

13 JAN 1996

LEAD Measat - Pelancaran

SEJARAH DICIPTA DENGAN KEJAYAAN PELANCARAN MEASAT-1 DI KOUROU

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Malaysia hari ini mengorak langkah ke arah menjadi satu kuasa dalam bidang telekomunikasi dengan kejayaan pelancaran satelitnya, Measat-1 dari Pusat Pelancaran Agensi Angkasa Eropah (ESA) di Kourou, French Guiana.

Pelancar Ariane 4 Arianespace, yang membawa Measat atau Malaysia East Asia Satellite itu, merentasi ruang angkasa Kourou selepas melancar naik tepat pukul 7.10 pagi waktu Malaysia.

Ia disaksikan berjuta-juta rakyat Malaysia di seluruh negara menerusi siaran langsung Radio Televisyen Malaysia (RTM) melalui TV1.

Upacara bersejarah itu juga disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis sambutan pelancaran itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Ketika ditemubual pada majlis itu, Dr Mahathir berkata pelancaran Measat-1 membuktikan bahawa rakyat Malaysia telah mencapai tahap kemampuan yang tinggi.

Beliau menyatakan keyakinan terhadap kebolehan rakyat Malaysia menyesuaikan diri dengan arus pemodenan yang pesat dan rakyat negara ini telah menunjukkan kemampuan mereka.

"Ini soal Malaysia Boleh; kalau kita hendak kita boleh," kata Dr Mahathir yang menghadiri majlis itu dengan ditemani isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta beberapa menteri Kabinet.

Ketika ditanya perasaan beliau mengenai pelancaran hari ini, Perdana Menteri berkata beliau gembira kerana sasaran Malaysia untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 melangkah setapak lagi.

"Ini berbanding dengan 38 tahun dulu apabila kita mundur dan tidak mampu untuk berbuat sesuatu untuk diri kita sendiri," katanya.

Menyentuh pembabitan sektor swasta dalam industri angkasa, Dr Mahathir berkata pihak swasta lebih berupaya menceburi bidang berteknologi tinggi itu berbanding kerajaan yang terpaksa membelanjakan wang untuk pembangunan mengikut keutamaan.

"Sektor swasta mampu kerana ia menganggapnya sebagai satu usaha komersil dan mereka tentu pandai mencari pendapatan bagi membiayai projek sedemikian," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai kawalan yang mungkin dikenakan terhadap program TV yang bakal dipancarkan melalui satelit itu, Dr Mahathir mengakui bahawa kawalan secara langsung sukar hendak dilakukan.

"Yang lebih penting ialah kawalan terhadap diri sendiri...dan kita perlu menegakkan benteng moral dengan agama supaya tidak melihat rancangan yang tidak baik dan terjebak dalam kegiatan tidak sihat," katanya.

Dr Mahathir berkata ini sejajar dengan Wawasan 2020 yang mahukan rakyat negara ini maju daripada segi material dan moral.

Menyentuh faedah yang bakal dikecapi Malaysia menerusi Measat-1, beliau berkata satelit itu boleh memainkan peranan besar dalam bidang telekomunikasi, pendidikan jarak jauh, penyebaran maklumat dan hiburan.

"Kalau kita pandai guna, kita akan selamat dan kita akan mendapat kemajuan setanding dengan bangsa-bangsa lain yang maju di dunia," katanya.

Dr Mahathir dan tetamu yang lain bertepuk tangan apabila roket Ariane 4 yang membawa Measat-1 mula meluncur ke angkasa dan bertepuk sekali lagi kira-kira setengah jam kemudian apabila melihat para pegawai di pusat kawalan mengucapkan tahniah sesama sendiri menandakan kejayaan pelancaran itu.

Satu sesi sidang televideo yang dijadualkan berlangsung antara Dr Mahathir dan Pengerusi Binariang Sdn Bhd Tun Hanif Omar yang berada di Kourou terpaksa dibatalkan kerana masalah teknikal.

Binariang ialah syarikat yang memiliki dan mengendalikan satelit telekomunikasi pertama Malaysia itu.

Dalam ucapan selepas pengumuman mengenai kejayaan pelancaran Measat di pusat kawalan di Kourou, Hanif berkata rakyat Malaysia berbangga kerana mereka kini mempunyai satelit sendiri di angkasa lepas.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut melancarkan setem kenang-kenangan dan sampul surat hari pertama sempena pelancaran Measat-1.

Bersama Measat, roket Ariane itu juga melancarkan satelit Panamsat PAS-3 bagi pengendali satelit Amerika PanAmSat.

Measat akan dikendalikan sepasukan jurutera dan pakar teknologi angkasa lepas dari Pusat Kawalan Satelit Measat di Gunung Raya, Pulau Langkawi.

Yang turut berada di Kourou untuk pelancaran itu ialah hartawan Tan Sri T. Ananda Krishnan, orang yang bertanggungjawab menempatkan Measat ke orbit, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie serta Pengerusi Telekom Malaysia Tan Sri Rashdan Baba.

Pelancaran itu ditangguhkan dari 9 Jan hingga hari ini disebabkan kerosakan di kotak elektronik pelancar itu.

French Guiana, terletak di lima darjah utara Khatulistiwa di Amerika Selatan, merupakan tempat bagi semua pelancaran Ariane. -- BERNAMA